

KANDUNGAN

RIWAYAT KEMUNCULAN DAN KEMUSNAHAN

KUALA KUBU, 1883 - 1931

Penghargaan

Pengenalan

Kertas Penyelidikan Bagi

Kursus HSM 411

Dokumen-Dokumen Dalam Sejarah Malaysia

Bab I: Latar belakang Kuala Kubu, 1880-18

Bab II: Kemunculan Pentadbiran Inggeris di Kuala Kubu

Bab III: Kemunculan dan Kemusnahan Kuala Kubu

Penutup

Daftar


Makluman

Mohd. Abd. Rahim Abdullah

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

Mac 1984



KANDUNGAN

| | | |
|--|-----|-----------|
| | | Mukasurat |
| Penghargaan | ... | i |
| Pengenalan | ... | ii |
| Bab I: Later belakang Kuala Kubu, 1860-1883. | ... | 1 |
| Bab II: Kemasukan Pentadbiran Inggeris di Kuala Kubu | ... | 15 |
| Bab III: Impian Dan Kemusnahan Kuala Kubu | ... | 32 |
| Penutup | ... | 48 |
| Lampiran | ... | 51 |
| Bibliografi | ... | 58 |

Mohd. Abd. Rahim Abdullah

Pusat Pengajian Komuniti,
Universiti Sains Malaysia,
Mac 1984.

PENGHARGAAN

Dalam menyediakan kajian penyelidikan yang sederhana ini saya sangat terhutang budi and berterima kasih kepada penyelia saya, Dr. Cheah Boon Kheng, kerana kesabaran beliau semasa memberi bimbingan dan nasihat. Tanpa galakan dan panduan beliau saya mungkin tidak dapat menghasilkan kajian ini.

Saya ucapkan terima kasih kepada kakitangan Arkib, Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan Perbadanan Perpustakaan Awam, Kuala Kubu kerana bantuan dan kerjasama yang diberikan semasa saya menjalankan penyelidikan.

Di samping itu diucapkan terima kasih kepada Dr. Paul Kratoska kerana nasihat yang diberi oleh beliau berhubung dengan fail-fail Selangor Secretariat.

Mohd. Abd. Rahim Abdullah

Pusat Pengajian Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia.
Mac 1984.

PENGENALAN

Kuala Kubu adalah sebuah bandar yang mempunyai sejarah yang agak ganjil. Bandar ini muncul dengan begitu pesat dan juga musnah dengan segera pada penghujung tahun 1920-an. Dalam buku-buku sejarah Malaya nasib Kuala Kubu belum lagi dibicarakan secara mendalam. Kalaupun nama Kuala Kubu disebut, itu hanya secara sambil-lalu sahaja. Setakat ini hanya sebuah kajian sahaja didapati tentang Kuala Kubu yang berjudul: "Sejarah Kuala Kubu, 1880 - 1930".¹ Penulis itu telah membincangkan secara mendalam sejarah politik, ekonomi dan kegiatan sosial di Kuala Kubu.

Kajian itu adalah sejarah umum dan sangat berguna kerana ianya mempunyai maklumat-maklumat penting yang berasaskan kepada penyelidikan sumber-sumber utama. Yang agak menarik ialah dakwaan penulis bahawa Kuala Kubu "sekikit demi sedikit telah musnah akibat disebabkan oleh gejala alam yang berpunca dari kegiatan manusia sendiri, lalu akhirnya ditinggalkan pada tahun 1931".²

1. Daud bin Daldiri, Sejarah Kuala Kubu, 1880-1930, (Tisis B.A. Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973), Arkib Negara, Malaysia.

2. Ibid. h. 5.

Kajian saya ini berbeza sedikit kerana saya mencuba menyelidik setakat manakah pihak Inggeris mencuba untuk mengatasi masalah yang berpunca dari gejala alam itu. Selain daripada itu, saya juga mencuba mempertimbangkan dilema pihak Inggeris untuk memilih satu di antara dua pilihan yang berikut: memberhentikan perusahaan perlombongan demi menyelamatkan Kuala Kubu atau meneruskan perusahaan perlombongan demi kepentingan ekonomi.

Dalam usaha yang sederhana ini juga, saya telah menyelidik serta mengupas faktor-faktor yang membawa kepada kemunculan Kuala Kubu sebagai pusat pentadbiran bagi jajahan Ulu Selangor pada tahun 1883. Mulai daripada masa Residen British Selangor, Frank Swettenham sehingga pegawai-pegawai tinggi British yang lain, didapati mereka mempunyai satu impian yang amat gemilang tentang kedudukan strategik Kuala Kubu sebagai pintu gerbang ke negeri Pahang dan Perak. Mengapa impian mereka ini tidak tercapai adalah salah satu cerita dalam kajian ini.

¹ Kuala Kubu, walaupun nama lainnya, Ulu Selangor masih digunakan dalam peta-peta Malaya di antara 1887 dan 1893. Lihat A.B. Rathborne, "Camping and Trapping in Malaya", (London, 1898) yang dicetak semula dalam JMBRAS, 28, (4), 1955, hal. 151-160.

² Lihat seperti ditunjukkan di dalam peta, Lampiran I.

³ Selangor sebagai sebuah negeri hanya berusia 200 tahun sahaja. Justeru, sejarahnya bermula sejak kurun ke-18. Lihat J.M. Gullick, A History of Selangor, (Singapore, Eastern Universities Press, 1960), hal. 13.